



## **SIARAN MEDIA PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI "KONTRAKSI BUKA HAL" NASIONAL (PTPTN)**

1. Laporan media pada 27 Jun 2016 dirujuk dan siasatan lanjut sedang dilakukan bagi mengenalpasti punca kelewatan kemaskini rekod bayaran Cik Safura Foo.
2. Untuk makluman, PTPTN sentiasa berusaha mengurangkan kerenah birokrasi. Di samping membuka cawangan di seluruh negara, PTPTN menyediakan perkhidmatan *online* melalui portal rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) bagi memudahkan pelanggan yang kesuntukan masa untuk hadir ke kaunter. Antaranya ialah **Perkhidmatan i-Rundingan, Perkhidmatan i-Bayaran** dan kemudahan lain seperti berikut :
  - i) Permohonan pinjaman;
  - ii) Semakan senarai IPT tajaan PTPTN;
  - iii) Semakan jadual pengeluaran pinjaman (bayaran);
  - iv) Semakan penyata pinjaman;
  - v) Membuat bayaran balik pinjaman;
  - vi) Permohonan potongan gaji;
  - vii) Permohonan lebihan bayaran; dan
  - viii) Semakan senarai hitam Jabatan Imigresen (status perjalanan).
3. Bagi memastikan bayaran yang dibuat sentiasa dikemaskini, pelanggan boleh menyemak penyata akaun mereka secara online. Sekiranya transaksi yang dibuat masih belum dikemaskini selepas 3 hari bekerja, aduan boleh dibuat secara online melalui ikon **Aduan**. Selain itu, **pelanggan juga boleh menggunakan saluran ini untuk membuat apa-apa aduan berkaitan perkhidmatan PTPTN**. Aduan yang dikemukakan akan dikendalikan oleh **pegawai-pegawai di Ibu Pejabat PTPTN** yang

akan berurusan terus dengan pengadu sehingga masalah/aduan berkenaan diselesaikan.

4. PTPTN menghargai dan sentiasa mengalu-alukan sebarang maklumbalas dan cadangan penambahbaikan daripada orang awam dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara berterusan. Sebarang kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan di dalam proses penambahbaikan amat dikesali.

## **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 30 Jun 2016**

### **Maklumat Tambahan**

1. **Tindakan senarai hitam** dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merupakan antara **tindakan penguatkuasaan yang menghalang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada ke luar negara** selain **tidak dapat untuk memohon** atau **memperbaharui pasport**.
2. Peminjam PTPTN boleh **disenarai hitam sekiranya tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual** dan **mempunyai tunggakan**.
3. **Peminjam PTPTN yang ingin ke luar negara adalah dinasihatkan untuk membuat semakan status perjalanan mereka tujuh (7) hari sebelum tarikh perjalanan** dan **sekiranya mereka disenarai hitam tindakan berikut perlu diambil bagi membolehkan pelepasan diberikan:**
  - i) Membuat **bayaran** keseluruhan hutang pinjaman atau keseluruhan tunggakan termasuk semua kos yang dikenakan atau membuat bayaran apa-apa jumlah yang dipersetujui oleh PTPTN; atau

- ii) Membuat **rundingan** dengan PTPTN sekiranya tidak mampu membuat bayaran mengikut jadual.

4. **Semakan senarai hitam boleh dilakukan** melalui :

- i) **Portal rasmi PTPTN** dan **JIM**;
- ii) Talian **careline** PTPTN (**03 - 2080 4455**);
- iii) Hadir ke **kaunter PTPTN** atau **JIM**.